

JAMINAN BN TAK ABAIKAN AGAMA

UM 12 APR 1987

PARIT BUNTAR, 11 April. - Kerajaan Barisan Nasional hari ini memberi jaminan tidak akan mengabaikan perkembangan agama walaupun tumpuan hebat sedang diberikan kepada pembangunan industri sebagai pergantungan negara di masa depan.

Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad yang memberi jaminan ini berkata, beliau sendiri akan memastikan setiap pembangunan di negara ini dilaksanakan dengan mengimbangi aspek

OLEH: KHALID MOHD.

rohani dan jasmani. Perdana Menteri menegaskan, penekanan kepada pembangunan industri perlu dibuat sebagai persediaan mengha-

kata, sumber-sumber alam negara khususnya minyak, bijih timah, kelapa sawit dan getah mungkin tidak dapat mendatangkan hasil buat

ran dan pada masa yang sama tidak mengharga usaha kerajaan mengadakan industri-industri yang dapat mewujudkan peluang pekerjaan.

hanya PAS yang tidak mahu mengakui hakikat itu.

Katanya, negara-negara itu ialah Mesir, Arab Saudi, Kuwait, Iran dan negara-negara Islam di Afrika.

Berucap merasmikan bangunan Sekolah Kebangsaan Gong Dermis dalam kawasan pilihan raya Sering di sini hari ini Timbalan Perdana Menteri yakin Malaysia akan terus terkenal dalam dunia sebagai sebuah ne-

Tunku Abdul Rahman Putra bekas Perdana Menteri menjadi setiausaha agungnya yang pertama," jelasnya lagi.

Datuk Musa menjelaskan Malaysia telah diterima oleh dunia Islam antarabangsa sebagai sebuah negara yang mula-mula melancarkan musabqah membaca Al-Quran.

Perdana Menteri berkata, kini banyak pula negara-negara Islam yang ingin membantu Malaysia menayakan

dapi kehabisan sumber-sumber alam seperti minyak yang sekarang ini menjadi punca utama hasil negara.

Berucap merasmikan Elite Wood Products (Malaysia) Sendirian Berhad di sini hari ini, beliau berkata, Malaysia perlu membuat persiapan awal bagi menghadapi kemungkinan ini supaya ia tidak terperangkap dalam keadaan yang mendesak.

Datuk Sri Dr. Mahathir menambah, persediaan untuk menghadapi kemungkinan tersebut merupakan satu strategi jangka panjang yang perlu dirancang dengan teliti dan dilaksanakan tanpa putus-putus.

Untuk menjayakan strategi persediaan itu katanya, kerajaan yang dipimpinnya memerlukan sokongan penuh dari rakyat.

Jika strategi persediaan itu terputus, tegas beliau, sudah tentu apa yang dirancang oleh kerajaan sekarang untuk menjamin masa depan rakyat dan negara tidak akan dapat diteruskan.

Perdana Menteri ber-

selama-lamanya.

Menurutnya, sumber minyak negara akan cuma terdapat dalam masa 20 tahun sahaja dan ia tidak lagi boleh dijadikan pergantungan.

"Sebab itulah kerajaan melabur secara besar-besaran dalam berbagai bidang perusahaan dengan menggunakan hasil minyak sebagai satu langkah berjaga-jaga untuk masa depan".

"Kita melabur dalam berbagai jenis industri supaya bila kita sudah kehabisan minyak kita akan mendapat hasil dari pelaburan-pelaburan yang kita buat sekarang", ujarnya.

Dalam menghadapi pilihanraya ini katanya, terdapat golongan-golongan politik yang menuduh kerajaan semata-mata memberi tekanan kepada soal-soal kebendaan sahaja dalam pembangunan negara tanpa memberi perhatian kepada aspek keagamaan.

Menurut Perdana Menteri, golongan ini merupakan golongan yang akan menuduh kerajaan bertanggungjawab ke atas masalah pengganu-

"Bagi golongan ini semuanya tak kena. Ada industri pun tak kena, tak ada industri pun tak kena.

"Mereka tidak ada kerja lain melainkan mencari salah kerajaan sahaja, untuk kepentingan politik mereka dan tidak menghiraukan masa depan rakyat", tegasnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir menambah, sebab itulah Kerajaan Barisan Nasional mengambil keputusan untuk mengadakan pilihanraya lebih awal supaya ia dapat berdepan dengan rakyat untuk mengetahui hasrat mereka dan untuk mendapatkan sokongan mereka.

Beliau berkata, masa depan generasi sekarang dan generasi yang akan mewarisi mereka bergantung pada keputusan yang bakal dibuat pada 22 April.

Sementara itu di Kota Bharu Datuk Musa Hitam menegaskan bahawa negara-negara Islam di seluruh dunia mengiktiraf Malaysia sebagai salah sebuah negara yang terkemuka melaksanakan ajaran Islam, tetapi

gara Islam yang banyak mencapai kemajuan mengikut lunas-lunas Islam.

"Tetapi orang-orang PAS mengatakan kerajaan kita bukan kerajaan Islam dan tidak bersungguh-sungguh menjalankan aktiviti secara Islam.

"Cuma PAS sahaja dalam dunia ini yang mengatakan kita tidak Islam tetapi umat Islam di kebanyakan negara Islam sudah pun mengenali Malaysia yang banyak mengamalkan Islam," ujarnya.

Negara-negara Islam itu, menurutnya, memuji Malaysia yang merupakan negara utama yang menjalankan cita-cita Islam.

"Orang-orang PAS mengatakan negara kita tidak Islam sedangkan Malaysia di mana wakilnya telah dipilih dari empat buah negara Islam untuk menduduki jawatankuasa bagi mendaikkan peperangan antara Iran dengan Iraq.

"Apabila persidangan Islam antarabangsa diwujudkan bagi negara-negara Islam memilih wakil dari Malaysia,

penubuhan Universiti Islam Antarabangsa yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad baru-baru ini.

Menurut beliau, sudah banyak bukti yang telah kita jalankan untuk meninggikan syiar Islam di negara ini hanya setakat ini PAS sahaja yang tidak berani mengakui kebenaran ini.

"Kita percaya, rakyat tidak akan mempercayai dakwah PAS itu kerana mereka mahu memancing undi bagi kepentingan politik semata-mata," ujarnya.

Katanya, ada terdapat negara-negara luar yang mahu mencontohi cara pentadbiran kerajaan yang meninggikan Islam yang diamalkan oleh Malaysia.